

20/10/1997

Belanjawan: Pendidikan terus diberi keutamaan

Mohd Fuad Razali

SEKTOR pendidikan mendapat peruntukan sebanyak RM12.458 bilion bagi Belanjawan tahun depan. Jumlah itu walaupun berkurang RM742 juta berbanding RM13.2 bilion yang diperuntukkan bagi Belanjawan tahun ini, masih mengekalkan pendidikan sebagai sektor tertinggi menerima peruntukan dalam Belanjawan negara.

Pengurangan peruntukan kali ini sudah tentu difahami sesuai dengan matlamat operasi belanjawan berhemat kerajaan sejajar dengan keperluan untuk mengukuhkan asas ekonomi makro serta prestasi hasil yang baik.

Malah kerajaan mengambil langkah mengurangkan peruntukan perbelanjaan pengurusan negara sebanyak tiga peratus kepada RM42.766 bilion dalam Belanjawan tahun depan disebabkan keperluan untuk mengetatkan agregat fiskal.

Sesuai dengan itu, kerajaan akan meningkatkan perbelanjaan pembangunan hanya secara terpilih termasuk mengekalkan kemapanan pertumbuhan ekonomi. Berdasarkan itu, pendidikan sudah tentu termasuk di dalam sektor terpilih itu.

Bagaimanapun, dengan mengekalkan peruntukan tertinggi bagi sektor pendidikan membuktikan Belanjawan 1998 masih memberi keutamaan kepada pembangunan infrastruktur dan sumber manusia dengan tujuan meningkatkan produktiviti, kecekapan dan daya saing negara.

Oleh itu, tidaklah menghairankan apabila peruntukan sektor pendidikan terus mendahului sektor lain mendapat peruntukan paling tinggi dalam Belanjawan tahunan negara sejak beberapa tahun lalu.

Selain peruntukan pengurusan dan pembangunan bagi meneruskan projek yang sudah dirancang dalam sektor pendidikan, Belanjawan kali ini turut menyaksikan beberapa perubahan terhadap dasar kerajaan berhubung pendidikan. Antaranya ialah:

\* Pelepasan cukai ke atas anak yang menuntut di pusat pengajian tinggi di luar negara.

Ketika ini individu yang mempunyai anak berumur lebih 18 tahun, belum berkahwin dan menuntut sepenuh masa di pusat pengajian tinggi tempatan diberi pelepasan cukai sebanyak empat kali ganda pelepasan biasa untuk anak manakala mereka yang mempunyai anak yang menuntut sepenuh masa di pusat pengajian luar negara pula mendapat pelepasan cukai dua kali ganda. Pelepasan cukai itu adalah pelepasan tambahan yang diberikan oleh kerajaan tahun lalu.

Langkah menarik balik pelepasan cukai tambahan itu sejajar dengan usaha kerajaan untuk membendung aliran wang ke luar negara, lebih-lebih lagi dalam suasana penurunan nilai mata wang negara berbanding dolar Amerika.

Langkah itu juga sekaligus sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara serta selari dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

Datuk Seri Anwar Ibrahim sewaktu membentangkan Belanjawan 1998 Jumaat lalu memberi jaminan tindakan itu tidak akan menjejaskan peluang pelajar melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi kerana mereka boleh ditempatkan di institusi pengajian tinggi tempatan.

Kita yakin ini boleh dilaksanakan memandangkan kerajaan sendiri sudah mengarahkan universiti tempatan, terutama yang sudah lama beroperasi meningkatkan enrolmen pelajar masing-masing kepada 20,000 orang menjelang tahun 2000. Langkah ini sebenarnya sudah dan sedang dilaksanakan oleh

universiti tempatan.

Selain itu, sejajar dengan penggubalan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, kerajaan nampaknya tanpa berlengah lagi mengeluarkan surat pelawaan menubuhkan universiti swasta. Dalam tempoh tahun ini sahaja, lima syarikat telah diberi surat berkenaan. Universiti itu ialah Universiti Telekom Malaysia, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Petronas, Universiti Sains dan Teknologi Malaysia serta Universiti Antarabangsa dan Komanwel Malaysia. Tiga universiti pertama kini sudah beroperasi manakala yang dua lagi akan beroperasi tahun depan.

Di samping itu, dalam tempoh dua tahun lalu, kita turut menyaksikan perkembangan pesat kolej swasta. Mengikut Laporan Ekonomi 1997/98, dalam tempoh itu kerajaan telah meluluskan pemberian 415 lesen untuk kolej swasta. Peningkatan itu hampir 50 peratus daripada 280 lesen yang diluluskan pada 1995.

Kelonggaran secara berperingkat dalam pembangunan pendidikan negara merangsang pertumbuhan bilangan pelajar kolej swasta hampir 10 peratus daripada 127,596 orang pada 1995 kepada 139,858 orang pada tahun ini. Tahun depan, jumlah itu dijangka meningkat purata sebanyak lapan peratus setahun kepada 151,046.

Kita yakin lebih banyak lagi institusi pengajian tinggi swasta akan diberi kebenaran beroperasi pada tahun-tahun akan datang. Malah, tahun depan juga kita mungkin melihat sebuah lagi universiti swasta beroperasi iaitu Universiti Multimedia yang akan didirikan di kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Pertumbuhan ini sudah tentu dapat menyediakan lebih banyak tempat dan peluang belajar kepada rakyat tempatan. Tambahan pula, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara yang bertanggungjawab terhadap Tabung Pendidikan Tinggi Negara akan mula beroperasi bulan depan.

Ini sudah tentu lebih menggalakkan lagi kerana kita tidak lagi perlu bimbang dengan soal pembiayaan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi, terutama di universiti dan kolej swasta. Malah, semua rakyat layak untuk meminjam daripada tabung berkenaan kecuali yang berpendapatan tinggi dan berupaya menanggung sendiri perbelanjaan pengajian anak mereka. Kerajaan sendiri sudah memberikan geran RM100 juta sebagai permulaan tabung itu.

Sebagai galakan ke arah itu, kerajaan terus mengekalkan pelepasan cukai tambahan itu bagi mereka yang menghantar anak melanjutkan pelajaran tinggi di dalam negara.

Bagi mengukuhkan lagi tindakan itu, Anwar juga mengumumkan langkah menaikkan bayaran ke atas dokumen perjalanan antarabangsa daripada RM145 dan RM265 kepada RM300 dan RM600 manakala dokumen perjalanan terhad dinaikkan daripada RM60 kepada RM150.

\* Galakan cukai kepada fakulti multimedia di institusi pengajian tinggi.

Selain penubuhan Universiti Multimedia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, kerajaan nampaknya menggalakkan perkembangan fakulti multimedia di institusi pengajian tinggi lain.

Dengan itu, pusat pengajian tinggi yang mengendalikan kursus media, komputer, teknologi maklumat, telekomunikasi, komunikasi dan kandungan yang berkaitan dengan data, suara, grafik dan imej akan menikmati status galakan cukai yang diberikan kepada syarikat MSC.

Langkah itu sudah tentu dapat merangsang penghasilan tenaga kerja mahir dan profesional dalam bidang multimedia dan teknologi maklumat sejajar dengan penubuhan MSC.

Kelancaran projek MSC sudah tentu terjejas padahal keperluannya sangat mendesak.

Sungguhpun kita boleh mendapatkan sumber berkenaan dari luar negara, pekerja tempatan yang berpengetahuan dalam bidang itu masih menjadi unsur

penting untuk meningkatkan daya pengeluaran dan daya saing negara di samping memudahkan proses pemindahan teknologi.

Pengambilan pekerja luar negara hanya boleh menyelesaikan masalah dalam jangka masa terdekat tetapi sudah tentu tidak menguntungkan negara dalam jangka panjang.

Kemelut yang kita hadapi sejak beberapa tahun lalu berikutan kebanjiran pekerja asing seperti di sektor perladangan, perindustrian serta perkhidmatan, terutama yang berkait dengan masalah sosial, sudah sepatutnya menjadi pengajaran bagi kita.

Kita yakin ini bukan sahaja akan menggalakkan penubuhan fakulti multimedia, malah mungkin juga lebih banyak institusi pengajian tinggi yang memberi penekanan khusus dalam bidang multimedia dan teknologi maklumat.

Sejajar dengan itu, mungkin tidak keterlaluan jika insentif yang serupa diberikan kepada mana-mana organisasi latihan yang menawarkan kursus yang sama.

\* Geran RM119 juta untuk pelaksanaan program sekolah bestari di 90 sekolah terpilih.

Pengumuman ini sekaligus menamatkan teka-teki mengenai keupayaan kerajaan untuk merealisasikan hasrat menubuhkan sekolah bestari di negara kita.

Peruntukan geran itu sekali lagi membuktikan kesungguhan kerajaan mengotakan janjinya. Malah, ini boleh dilihat sejajar dengan Kempen Galakan Menggunakan Teknologi Maklumat yang dilancarkan oleh Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini serta usaha menyediakan tenaga mahir dan masyarakat yang celik komputer.

Penyediaan geran itu sekaligus melenyapkan cakap-cakap kononnya program sekolah bestari hanya akan menguntungkan pelajar di kawasan bandar manakala sekolah di luar bandar terpinggir. Kita berharap dengan pelaksanaannya kelak, pelajar di sekolah luar bandar yang terpilih menyertai program sulung ini tidak akan mensia-siakan peruntukan yang disediakan.

Kesungguhan kerajaan menggalakkan rakyat tempatan menguasai kemahiran komputer dan teknologi maklumat diperkukuhkan lagi dengan pengumuman rebat cukai sebanyak RM400 bagi satu keluarga untuk membeli sebuah komputer peribadi.

Sungguhpun setiap keluarga hanya boleh dinikmati rebat bagi setiap lima tahun dan dihadkan kepada satu komputer sahaja, ia masih dikira menggalakkan dan insentif yang sangat menarik.

Pada keseluruhannya, bolehlah dikatakan dasar serta peruntukan untuk bidang pendidikan akan menggalakkan lagi penyertaan rakyat dalam sektor berkenaan.

Tidak syak lagi, langkah memberi keutamaan kepada peruntukan pendidikan negara akan menguntungkan negara kita dalam jangka panjang.

Dalam keadaan sekarang, sesuai dengan hasrat dan cita-cita besar kita untuk menjadi negara maju berasaskan perindustrian dan pusat pendidikan cemerlang serantau, lebih banyak yang perlu kita lakukan untuk mendidik rakyat kita.

Tanpa pendidikan, segala impian akan menjadi igauan semata-mata. Nabi Muhammad pernah bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang menghendaki dunia, hendaklah berilmu. Sesiapa yang menghendaki akhirat hendaklah berilmu. Sesiapa yang menghendaki kedua-dua, hendaklah berilmu."